

# Caroline tepati perenang terbaik



Atlet Sunway Universiti Kolej raih enam emas keseluruhan sepanjang temasya



Oleh Aida Adilah Mat  
aida\_adilah@NSTP.com.my

Kuala Lumpur.

Turun selaku perenang kebangsaan bukan tiket mudah buat Caroline Chan memburu pingat emas pada Sukan Institut Pendidikan Tinggi Malaysia 2018 (SUKIPT 2018).

Bagaimanapun pengalaman jelas memihak perenang Sunway Universiti Kolej itu apabila muncul perenang terbaik pada temasya itu.

Pada hari terakhir renang semalam, Caroline menyumbangkan dua emas selain berjaya memecahkan satu rekod kejohanan dalam acara 50 meter kuak lentang dan meraih emas dalam acara

4x100m gaya bebas.

Ia adalah pencapaian terbaik buat atlet berusia 22 tahun di SUKIPT dengan pencapaian empat emas individu dan dua emas dalam acara berganti-ganti. Malah ia menjadi tonik berharga apabila menjadi perenang tunggal wanita negara yang akan beraksi di temasya Komanwel Gold Coast, April ini.

## Tonik berharga

Bagi Caroline, kejayaannya di SUKIPT 2018 amat membanggakan kerana hanya mensasar tiga emas dalam acara kegemarannya iaitu kuak lentang selain tidak menyangka turut berupaya meraih emas dalam acara gaya bebas.

"Kejayaan di SUKIPT ini satu bonus dan saya gembira dapat

mengatasi sasaran tiga emas. Tumpuan saya selepas ini adalah Komanwel. Saya akan beraksi dalam acara 50m kuak lentang dan berharap mampu layak hingga separuh akhir," katanya yang hanya akan berlatih di dalam negara sebagai persiapan ke Komanwel.

Acara renang di SUKIPT menutup tirai dengan sembilan rekod baharu berjaya dihasilkan pada hari terakhir kejohanan.

Taylor Universiti dinobat juara keseluruhan selepas mengumpul 12 emas, sembilan perak dan sembilan gangsa manakala Sunway Universiti di kedudukan kedua (11 emas, 8 perak, 12 gangsa) dan ketiga, Universiti Putra Malaysia (6 emas, 5 perak, 5 gangsa).



Caroline dan perenang SUKIPT memperagakan pingat yang dimenangi di Pusat Akuatik Nasional Bukit Jalil, semalam.

# Farah hadiah emas untuk UiTM

**Bangi:** Atlet taekwondo, Nurul Farah Alisa Roslan beraksi cemerlang bagi menyumbang emas buat Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada hari pertama acara kyorgi di Sukan Institut Pendidikan Tinggi Malaysia 2018 (SUKIPT 2018), di sini, semalam.

Kejayaan berkenaan memberi inspirasi buat atlet kelahiran Terengganu itu yang akan meng-

hadapi Kejohanan Pra Sukan Asia di Indonesia, pada bulan depan.

Pada pertembungan akhir acara lightweight 57 hingga 62 kilogram (kg), Farah mudah membelas lawan dari Kolej Universiti Sunway, Kogulaveni dengan keputusan 64-11.

Farah berkata dia tidak menjangkakan kemenangan selesa itu kerana ia adalah penyertaan

pertamanya di temasya berkenaan.

"Terima kasih kepada jurulatih dan rakan sepasukan yang memberi tunjuk ajar serta sokongan. Tanpa mereka, mungkin sukar untuk saya mencapai kejayaan hari ini."

## Kekal rentak

"Semoga rentak ini dapat dikekalkan sehingga Pra Sukan

Asia nanti," katanya.

Sementara itu, seorang lagi atlet kebangsaan, P Thinagaran Naidu menyumbang emas buat kontinen Universiti Putra Malaysia dalam acara featherweight kategori 63 hingga 68kg.

Pemenang pingat gangsa Sukan SEA Kuala Lumpur dalam kategori yang sama itu mewakilkan Chua Xin Wei dari Kolej Universiti Sunway 31-19.